

HONOR Magic4 Pro dilancarkan

Tampil revolusi peranti baharu dengan teknologi canggih pada harga RM3,999

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
PETALING JAYA

HONOR Malaysia melancarkan secara rasmi telefon pintar flagship baharu 'The Power of Magic', HONOR Magic4 Pro yang ditawarkan pada harga RM3,999 dengan spesifikasi memori (RAM) 8GB dan storan 256GB.

'The Power of Magic' menampilkan revolusi peranti baharu dengan teknologi canggih yang mencapai kejayaan baharu dalam rekaan, paparan, fotografi, videografi, prestasi dan privasi telefon pintar.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) HONOR Malaysia, Justin Li berkata, HONOR Magic4 menawarkan rekaan premium dan boleh didapati dalam tiga warna, iaitu Cyan, Gold dan Black di mana semua peranti ber-



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Justin Li memperkenalkan telefon pintar flagship baharu HONOR Magic4 Pro di majlis pelancaran peranti itu pada Rabu.

kenaan hadir dengan Google Mobile Services.

"Selain itu, HONOR Earbuds 3 Pro dan HONOR Watch GS 3 juga diperkenalkan kepada pengguna untuk menikmati gaya hidup pintar.

"Apa yang istimewa orang ramai berpeluang merebut hadiah percuma bernilai sehingga RM1,656 termasuk HONOR Watch GS 3 bernilai RM999, case HONOR Magic4 Pro, jaminan lanjutan satu tahun dan perlindungan skrin retak enam bulan apabila membuat prapembelian peranti ini sebelum 10

Jun 2022," katanya pada majlis pelancaran itu yang diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid pada Rabu.

Memperincikan keunikan HONOR Magic4 Pro, Timbalan Pengarah Negara HONOR Malaysia, Matthew Ng menjelaskan, peranti tersebut menampilkan 'Eye of Muse' yang ikonik, dengan rekaan simetrikal, paparan quad lengkung LTPO generasi ketiga 6.81 inci dan bezel ultra nipis untuk memberi pemandangan yang mengasyikkan dan genggam yang selesa.

Bukan sekadar skrin biasa, paparan HONOR Magic4 Pro mempunyai HDR 10+ dan pengiktirafan IMAX ENHANCED, 1.07 bilion warna dan DCI-P3 warna gamut luas, membolehkan pengalaman yang lebih terang, sesuai untuk menonton dan santai bermain 'game'.

HONOR Magic4 Pro juga meningkatkan lagi penanda aras industri dengan menampilkan Kamera Lebar 50MP, Kamera Lebar Ultra 122 darjah 50MP, Kamera Telefoto Periskop 64MP, semuanya dikuasakan oleh Fotografi Ultra Fusion yang ber-

taraf terbaik, menghasilkan kejelasan imej mengagumkan.

Menurut Matthew, dengan penawaran rakaman tahap sinematik, HONOR Magic4 Pro turut dilengkapi Magic-Log Movie Master dan AI Film Effect yang membolehkan ia digunakan untuk menghasilkan videografi filem sekali gus muncul yang pertama seumpamanya dalam industri dan penanda aras baharu dengan mempunyai rakaman video 10-bit dalam 4K 60fps (bingkai per saat).

"Dikuasakan oleh bateri 4600mAh, HONOR SuperCharge memberikan jangka hayat bateri ultra dan perhubungan sepanjang hari.

"Dengan HONOR SuperCharge Wayar 100W, HONOR Magic4 Pro mampu mengecas sehingga 100 peratus dalam masa hanya 30 minit. Dengan teknologi HONOR SuperCharge Tanpa Wayar 100W yang pertama digunakan dalam Magic4 Pro, pengecasan sehingga 50 peratus hanya ambil masa 15 minit," jelasnya.

Katanya, HONOR turut menjadikan perbualan telefon lebih privasi kerana ia menyelesaikan masalah ketirisan bunyi dengan fungsi AI Privacy Call dengan kedua-dua skrin dan speaker dilaraskan tepat ke telinga.

Dokumen baharu MS diluluskan, pacu industri automotif

SHAH ALAM - Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meluluskan senarai baharu dokumen Malaysia Standard (MS) yang dibangunkan Jabatan Standard Malaysia (JSM), baru-baru ini.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan JSM pada Khamis, dokumen berkenaan diluluskan berdasarkan Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549).

"Senarai dokumen yang diluluskan terdiri daripada empat MS baharu, sembilan disemak, dua dipinda secara teknikal serta pengeluaran 60 MS tanpa penggantian.

"Pembangunan MS itu telah mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang diwakili jawatankuasa pembangunan standard termasuk orang awam melalui proses ulasan umum yang mana tiada bantahan diterima dalam masa 60 hari," menurut kenyataan tersebut.

Jelas JSM, dokumen MS dibangunkan bertujuan meningkatkan keselamatan, kualiti,

“

Pembangunan MS tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang diwakili jawatankuasa pembangunan standard termasuk orang awam melalui proses ulasan umum yang mana tiada bantahan diterima dalam masa 60 hari.”

ti, alam sekitar serta kesejahteraan awam. Sehingga kini JSM membangunkan 4,799 dokumen MS dan boleh didapati di laman sesawang <https://mysol.jsm.gov.my/>.

Kata JSM, daripada senarai itu, MS 2723:2022 iaitu 'Palm methyl esters (PME) diesel



Dokumen baharu MS yang diluluskan mampu memacu sektor automotif negara. - Gambar hiasan.

vehicle-Laboratory and on-road test procedure' berjaya dibangunkan bagi mewujudkan metodologi ujian kenderaan dengan menggunakan diesel PME dalam sektor automotif.

"MS ini menyatakan keperluan dan garis panduan prosedur ujian kenderaan diesel

PME termasuk ujian makmal dan kenderaan atas jalan.

"Matlamat khusus pembangunan MS ini adalah untuk menganalisa dan mengesahkan kesan penggunaan diesel PME dalam sektor automotif, khususnya berkenaan pelepasan ekzos berdasarkan prestasi pe-

ngendalian kenderaan.

"Inisiatif ini akan melengkapkan pendekatan strategik kerajaan ke arah perlindungan alam sekitar melalui mobiliti karbon rendah dan penggunaan tinggi diesel PME yang menyokong agenda pembangunan mampan," jelas kenyataan itu.